



UCAPAN

**Y.B. DATUK DR. EWON EBIN,
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SESI DIALOG Y.B. MENTERI MOSTI BERSAMA PENERIMA DAN PEMOHON
DANA SERTA TAKLIMAT MENGENAI DANA R,D&C KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
PERINGKAT ZON TIMUR**

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**

YANG BERUSAHA PENGACARA MAJLIS

Y. BHG. DATO' DR. ROSLI MOHAMED

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

Y. BHG. PROF. DR. NOOR AZHAR BIN MOHAMED SHAZILI

TIMBALAN NAIB CANSELOR

BAHAGIAN AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Y. BHG. PROF. DR. NORA A'INI BINTI HJ. ALI

PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Y. BHG. PROF. MADYA DR. MOHD ZUL HELMI BIN ROZAINI

TIMBALAN PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Y. BHG. DATO'-DATO' / DATIN-DATIN

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN MOSTI DAN AGENSI MOSTI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENERIMA-PENERIMA DANA MOSTI

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA: **RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN** DAN SALAM 1MOSTI.

2. SAYA AMAT BERBESAR HATI KERANA PADA PAGI INI DAPAT KITA BERKUMPUL DI **SESI DIALOG BERSAMA PENERIMA DAN PEMOHON DANA MOSTI** DI SAMPING TAKLIMAT DAN SESI KLINIK MENGENAI DANA MOSTI. DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN **TERIMA KASIH KEPADA PIHAK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)** KERANA SUDI MENJADI TUAN RUMAH UNTUK MAJLIS PADA PAGI INI. UNTUK MAKLUMAN JUGA, SESI DIALOG PADA HARI INI MERUPAKAN **SIRI KETIGA DARIPADA 6 SIRI SESI DIALOG** YANG DIRANCANG DIADAKAN DI SELURUH NEGARA MENGIKUT ZON. SESI DIALOG BAGI ZON SABAH DAN ZON SARAWAK TELAH DIADAKAN DENGAN JAYANYA SEBELUM INI.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

3. SEBAGAIMANA SEMUA SEDIA MAKLUM, ASPIRASI KERAJAAN ADALAH UNTUK MENCAPAI MATLAMAT NEGARA MAJU YANG BERPENDAPATAN TINGGI, MAMPAN DAN TERANGKUM MENJELANG TAHUN 2020. DALAM USAHA INI, KERAJAAN TELAH MERUMUSKAN SATU RANGKA KERJA YANG MENGANDUNGI EMPAT TONGGAK UTAMA BAGI MENDORONG TRANSFORMASI IAITU **GAGASAN 1MALAYSIA, PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP), PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI (ETP)** (BERTITIK TOLAK DARIPADA MODEL EKONOMI BARU) DAN **RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (RM KE-10)**. INI BAGI MEMASTIKAN NEGARA MAMPU BERDAYA

SAING DALAM TEMPOH RANCANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI YANG AKAN DATANG.

4. DI SAMPING MENDOKONG PROGRAM YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN, MOSTI JUGA MEMPUNYAI INISIATIF TERSENDIRI YANG BERTUJUAN MEREALISASIKAN OBJEKTIF MOSTI IAITU **PENJANAAN ILMU, PENCIPTAAN KEKAYAAN DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT**. PERKARA DASAR YANG MENJADI TUNJANG SERTA PEMANGKIN KEPADA INISIATIF INI IALAH **DASAR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (DSTIN)** YANG TELAH DILULUSKAN OLEH JEMAAH MENTERI PADA 27 MAC 2013. DSTIN DIGUBAL UNTUK MEMASTIKAN STI TERUS MENJADI ASAS KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DAN MENJADI KOMPONEN SERTA FOKUS UTAMA DI

DALAM AGENDA TRANSFORMASI NEGARA YANG TERMAKTUB DALAM PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

5. ZON TIMUR YANG MERANGKUMI NEGERI KELANTAN, Pahang DAN TERENGGANU MEMPUNYAI POTENSI YANG MENARIK UNTUK MENJADI SALAH SATU PENYUMBANG UTAMA DI DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI. INI ADALAH KERANA NEGERI-NEGERI DI ZON TIMUR YANG KAYA DENGAN SUMBER ALAM SEMULA JADI SERTA FLORA DAN FAUNANYA MENJADI SALAH SATU **LOKASI TUMPUAN** UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM MOSTI. SUMBER ALAM SEMULA JADI YANG BANYAK INI MEWUJUDKAN KEUPAYAAN SERTA PELUANG UNTUK MELAKSANAKAN

PELBAGAI PROGRAM MOSTI DAN SALAH SATUNYA IALAH **BIDANG TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI.**

6. SEBAGAI CONTOH, **PEMETAAN TENAGA ANGIN SECARA MENYELURUH DI MALAYSIA** OLEH UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) TELAH DIBIYAI OLEH MOSTI DI BAWAH PROGRAM *RENEWABLE ENERGY* (RE) YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBANGUNKAN PETA SUMBER TENAGA ANGIN YANG KOMPREHENSIF DAN DISAMPING MENGENAL PASTI TAPAK YANG BERPOTENSI UNTUK PEMANFAATAN TENAGA ANGIN DI MALAYSIA. IA MENGGUNAKAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) UNTUK MEMETAKAN SUMBER TENAGA ANGIN DI SELURUH MALAYSIA SELAIN MEMPROSES DAN MENGANALISIS DATA PROJEK INI MEMBANTU UNTUK MENILAI DAN

MENUBUHKAN PANGKALAN DATA ANGIN UNTUK PEMANTAUAN BERTERUSAN DAN PEMETAAN SUMBER ANGIN DI MALAYSIA YANG AMAT BERGUNA DALAM MENCORAKKAN PENGGUNAAN RE BERASASKAN ANGIN.

DI SAMPING ITU, PROJEK INI BOLEH MENINGKATKAN TAHAP PENDIDIKAN, KEFAHAMAN DAN KEINGINAN MASYARAKAT SETEMPAT UNTUK MENEROKAI DAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PENGEMBANGAN DAN PENGGUNAAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI.

7. KITA JUGA SEDIA MAKLUM BAHAWA **KAWASAN PERAIRAN** DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA MEMPUNYAI KEPADATAN HIDUPAN MARIN YANG TINGGI DENGAN PELBAGAI SPESIS IKAN, TERUMBU KARANG DAN MENJADI LALUAN MIGRASI HIDUPAN MARIN. BIDANG **AKUAKULTUR**

MERUPAKAN SATU BIDANG YANG MEMPUNYAI POTENSI YANG TINGGI UNTUK DIBANGUNKAN DI ZON TIMUR. MOSTI TERLIBAT DENGAN PELAKSANAAN PROJEK YANG DIJANGKA MEMBERI IMPAK DAN NILAI TAMBAH KEPADA BIDANG AKUAKULTUR DAN JUGA BIOEKONOMI. DI TERENGGANU, PROJEK USAHASAMA **IPHARM BERSAMA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**, *“IDENTIFICATION OF BIOMEDICAL POTENTIALS IN THE AMOEBOCYTE AND HAEMOLYMPH OF MALAYSIA HORSESHOE CRABS, MULLER AND LATREILI”* BERTUJUAN UNTUK MENGENAL PASTI DAN MEMBUKTIKAN BAHAWA SPESIES **BELANGKAS** DI MALAYSIA JUGA MEMPUNYAI NILAI DAN KUALITI *BIOMEDICAL* YANG TINGGI. SELAIN ITU, PROJEK *“IDENTIFICATION OF BIOPHARMACEUTICALS AGAINST ATHEROSCLEROSIS FROM MARINE NATURAL RESOURCES”* PULA AKAN MEMBUKTIKAN SUMBER MARIN SEMULA JADI BOLEH DIJADIKAN SEBAGAI

AGEN ANTI *ATHEROSCLEROSIS*. SELAIN DARIPADA ITU, PIHAK UMT JUGA TERLIBAT DENGAN PROJEK SEPERTI “*MATERIAL AND ENERGY FLOW ANALYSIS FOR AGRICULTURAL BIOMASS WASTE IN TERENGGANU REGION*”, “*THE EFFECT OF SELECTED HEAVY METALS EXPOSURE ON CHROMOSOMAL INTEGRITY OVER MULTIPLE GENERATIONS IN SELECTED SPECIES OF CHIRONOMUS LARVAE*” DAN “*ISOLATION OF VIRULENT ISOLATES OF ENTOMOPATHOGENIC FUNGI AGAINST THE INVASIVE COCONUT PEST, RED PALM WEEVIL*”.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

8. SELAIN DARIPADA PEMBIAYAAN DANA OLEH MOSTI, TERDAPAT JUGA PELAKSANAAN BEBERAPA PROJEK DI BAWAH AGENSI MOSTI YANG TELAH

DILAKSANAKAN DI ZON TIMUR. ANTARANYA PROJEK **AGensi REMOTE SENSING MALAYSIA (ARSM)** IAITU PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENGOPERASIAN SISTEM PENENTUAN LOKASI IKAN BERTERASKAN TEKNOLOGI REMOTE SENSING, GIS DAN ICT SERTA SISTEM PENGURUSAN WABAK DENGGI (SPWD) DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM).

9. SELAIN ITU, MOSTI JUGA BERSAMA YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM) MENERUSI **PROGRAM JEJAK INOVASI** TURUT MENJEJAK PRODUK-PRODUK INOVASI YANG DIHASILKAN OLEH PENDUDUK TEMPATAN. PROGRAM INI TELAH DIADAKAN DI SELURUH NEGARA DAN SEMASA IA DIADAKAN DI ZON TIMUR, . BEBERAPA PRODUK INOVASI CIPTAAN ANAK NEGERI TERENGGANU YANG INOVATIF, KREATIF DAN MEMPUNYAI POTENSI UNTUK

DIKOMERSILKAN TELAH DIKENALPASTI. ANTARANYA IALAH PRODUK BAGI **PEMROSESAN KEROPOK LEKOR BERSISTEMATIK** MENGGUNAKAN MESIN KHAS UNTUK MENGGENTEL KEROPOK YANG MEMPERCEPATKAN PROSES MEMBENTUK KEROPOK. INOVASI INI JUGA DAPAT MENGURANGKAN TENAGA KERJA MANUSIA.

10. ANTARA PRODUK-PRODUK INOVASI YANG LAIN ADALAH PENGGUNAAN **TEKNIK *ETCHING*** DALAM SENI UKIRAN TEMBAGA YANG MENGGANTIKAN TEKNIK *CASTING* ATAU BLOK, **INOVASI PEMROSESAN MANISAN NIRA KELAPA** YANG MEMPUNYAI INOVASI DARI SEGI CARA PEMROSESAN NIRA KELAPA YANG MENJADIKAN PRODUK MANISAN INI LEBIH TAHAN LAMA, **GASING 1MALAYSIA** DAN PENGHASILAN BAJA DAN RACUN SERANGGA

ORGANIK DARIPADA KULIT TELUR DAN JUGA IKAN YANG DIPERAM DENGAN GULA MERAH.

11. MOSTI JUGA TELAH MENGADAKAN PROGRAM PENGGALAKAN/PEMBUDAYAAN STI DI ZON TIMUR YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBERIKAN PENDEDAHAN BERHUBUNG BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI. PADA TAHUN 2013, SEBANYAK **22 PROGRAM TELAH DILAKSANAKAN** DAN 14 DARIPADANYA DILAKSANAKAN DI TERENGGANU MELIPUTI KARNIVAL AEROMODELLING PESAWAT KAWALAN JAUH 2013, JELAJAH IKON SAINTIS, X'PLORASI GALAKSI (XG2013), SCIENCE4U, LANDSCAPE ASTROPHOTOGRAPHY, KELANA SAINS, SCIENCE ON MOVE DAN MYBIOTECH@SCHOOL.

12. SEMENTARA ITU, PADA TAHUN 2012, SULTAN TERENGGANU, SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN TELAH MELANCARKAN YAYASAN PENYELIDIKAN ANTARTIKA SULTAN MIZAN YANG BERTUJUAN UNTUK MENGGALAKKAN PENYELIDIKAN DI ANTARTIKA DAN ARTIK. DANA BERJUMLAH RM12 JUTA TELAH DIKUMPUL BAGI TUJUAN INI. DI SAMPING ITU, KEMENTERIAN SAYA JUGA SEDANG MENIMBANGKAN PEMBIAYAAN DANA KEPADA PERMOHONAN UNIVERSITI MALAYA UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN BERTAJUK “*CONNECTIVITY BETWEEN EQUATORIAL AND POLAR REGIONS:FROM GLOBAL WARMING TO MICROBES ENVIRONMENT CHANGE*”.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

13. BAGI MEREALISASIKAN PROGRAM-PROGRAM INI, MOSTI MENYEDIAKAN PEMBIAYAAN DALAM BENTUK DANA ATAU GERAN BAGI TUJUAN MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MERANGKUMI FASA PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN (R,D&C) DI SAMPING MENYEMARAKKAN BUDAYA INOVASI. DI BAWAH **RMKE-9 (2006-2010)**, MOSTI TELAH MENYEDIAKAN **16 JENIS DANA** BERBENTUK GERAN DENGAN JUMLAH PERUNTUKAN SEBANYAK **RM2.9 BILLION** YANG MERANGKUMI FASA R,D&C. DANA-DANA TERSEBUT DITAWARKAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT SME, INSTITUSI PENYELIDIKAN DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI UNTUK MENJALANKAN PROJEK-PROJEK R,D&C YANG MELIPUTI SEKTOR ICT, BIOTEKNOLOGI, INDUSTRI, TERAS SAINS DAN TEKNOLOGI (TS&T) DAN *SEA TO SPACE* (S2S). DI ANTARA DANA YANG DISEDIAKAN OLEH MOSTI DI BAWAH RMKE-9 ADALAH

SCIENCEFUND, TECHNOFUND, INNOFUND, ECONTENT, DEMONSTRATOR APPLICATION GRANT SCHEME *ROLL-OUT* (DAGS) DAN *TECHNOLOGY DEVELOPMENT*.

14. **DI BAWAH RMKE-9**, SEJUMLAH **4,566 PROJEK** TELAH DILULUSKAN MELALUI DANA R,D&C MOSTI. DARIPADA JUMLAH TERSEBUT, SEBANYAK **3,797 PROJEK TELAH BERJAYA DISIAPKAN**, MANAKALA SELEBIHNYA DI PELBAGAI PERINGKAT PELAKSANAAN. SEHINGGA **31 OGOS 2013**, DARIPADA SEJUMLAH **RM2.9 BILION** PERUNTUKAN YANG DISALURKAN UNTUK MEMBIAYAI PROJEK R,D&C OLEH MOSTI DAN AGENSI, SEJUMLAH **RM2.3 BILION NILAI JUALAN** TELAH DIJANA. DI SAMPING ITU, SEBANYAK **313 PROJEK TELAH DIKOMERSILKAN** DARIPADA **1,288 PROJEK YANG**

BERPOTENSI. DARIPADA PROJEK YANG DIKOMERSILKAN INI, SEBANYAK 14,320 PELUANG PEKERJAAN TELAH DIWUJUDKAN.

15. DARI SEGI PENJANAAN ILMU PENGETAHUAN, **11,155 PENERBITAN NASIONAL** TELAH DIHASILKAN YANG MANA MAJORITI DARIPADANYA PROJEK SCIENCEFUND DI SAMPING **5,517 PENERBITAN ANTARABANGSA. SEBANYAK 2,626 HARTA INTELEK** DALAM BENTUK PATEN, CAP DAGANGAN, HAK CIPTA DAN REKA BENTUK INDUSTRI TURUT DIFAILKAN. SELAIN DARIPADA ITU, SEBANYAK **1,177 ANUGERAH** PERINGKAT DALAM DAN LUAR NEGARA TELAH DITERIMA.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

16. BAGI MENERUSKAN KESINAMBUNGAN PEMBIAYAAN DANA R,D&C, DI BAWAH **RMKE-10 (2011-2015)**, SEHINGGA *ROLLING PLAN 3* (2012/2013), KEMENTERIAN MENAWARKAN **TUJUH (7) JENIS DANA** YANG MENJURUS KEPADA KEPERLUAN MEMENUHI RANTAIAN R,D&C DENGAN PERUNTUKAN SEBANYAK **RM660 JUTA**. DANA-DANA TERSEBUT IALAH SCIENCEFUND, DANA PRA-PENGGOMERSILAN, COMMERCIALISATION OF RESEARCH & DEVELOPMENT FUND (CRDF) DAN TECHNOLOGY ACQUISITION FUND (TAF). SEHINGGA **31 OGOS 2013**, SEBANYAK **1,168 PROJEK TELAH DILULUSKAN** DENGAN NILAI PEMBIAYAAN BERJUMLAH **RM474.35 JUTA**.

17. UNTUK MAKLUMAN, DALAM TEMPOH RMKE-9, SEBANYAK **107 PROJEK** TELAH DILULUSKAN DI ZON TIMUR MERANGKUMI NEGERI KELANTAN, PAHANG DAN TERENGGANU DENGAN JUMLAH **RM63.88 JUTA**. DARIPADA

JUMLAH TERSEBUT, SEJUMLAH **44 PROJEK** OLEH UMT TELAH DILULUSKAN **DENGAN PEMBIAYAAN BERNILAI RM10.3 JUTA**. SEMENTARA ITU, SEJUMLAH **14 PROJEK** DENGAN PEMBIAYAAN SEBANYAK **RM11.16 JUTA** TELAH DILULUSKAN UNTUK **UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)** DAN TIADA PEMBIAYAAN YANG DILULUSKAN UNTUK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK). DALAM TEMPOH RMKE-10 PULA, **35 PROJEK** BERNILAI **RM14.59 JUTA** TELAH DILULUSKAN DI ZON TIMUR SECARA KESELURUHAN DAN **20 PROJEK** YANG DILULUSKAN ADALAH KEPADA UMT DENGAN JUMLAH PERUNTUKAN BERNILAI **RM4.85 JUTA**. UNTUK UMP, **8 PROJEK** DILULUSKAN DENGAN JUMLAH PEMBIAYAAN SEBANYAK **RM1.44 JUTA**.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

18. DI KESEMPATAN INI, IZINKAN SAYA MEMAKLUMKAN BAHAWA MOSTI BERSAMA-SAMA YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM) TELAH BERJAYA MENGANJURKAN WIFKL 2013 YANG BERTEMAKAN “*THE FUTURE WE DESIRE*” DI KLCC PADA 12 – 14 NOVEMBER 2013. SEJUMLAH HAMPIR 20,000 ORANG TELAH TERLIBAT DALAM PROGRAM INI MELIPUTI 1,661 PESERTA FORUM TERMASUK PESERTA DARIPADA 58 NEGARA LUAR. JUMLAH BESAR YANG MENGUNJUNGI EKSPLO JUGA MENUNJUKKAN BAHAWA MINAT RAKYAT MALAYSIA KEPADA ELEMEN INOVASI TELAH MENINGKAT. DALAM ASPEK PENGKOMERSIALAN PULA, SEBANYAK 39 PRODUK DARIPADA SEJUMLAH 78 PRODUK YANG DIPAMERKAN TELAH DIKOMERSIALKAN DAN 30 PRODUK TELAH DIDAFTARKAN UNTUK HARTA INTELEK. USAHA PENGKOMERSIALAN INI ADALAH BERTERUSAN DAN TERUS DIPERGIATKAN PADA TAHUN 2014

SELARAS DENGAN PENGISYTIHARAN TAHUN 2014 SEBAGAI TAHUN PENGKOMERSIALAN PRODUK R&D MOSTI.

19. SEJAJAR DENGAN INI, ANTARA PROJEK YANG DISEMPURNAKAN DAN BERJAYA DIKOMERSILKAN DI BAWAH PEMBIAYAAN RMKE-9 IALAH **PRODUK RAPTOR™ SYSTEM & SKOLJD™ SYSTEM** YANG DIHASILKAN OLEH SYARIKAT BETA FACTORS SDN. BHD. MELALUI PEMBIAYAAN **TECHNOFUND BERNILAI RM4.5 JUTA**. PRODUK YANG DIHASILKAN INI MEMBOLEHKAN PENJIMATAN PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK ANTARA 30% HINGGA 50%. SATU LAGI PROJEK YANG TELAH BERJAYA DISEMPURNAKAN DAN DIKOMERSILKAN ADALAH *PELLET* UNTUK MENGHASILKAN MAKANAN HAIWAN OLEH SYARIKAT **QL PALM PELLET SDN. BHD.** PELLET MAKANAN HAIWAN INI DIHASILKAN DENGAN MENGGUNAKAN BAHAN BUANGAN DARIPADA KELAPA

SAWIT SERTA MEMPUNYAI POTENSI UNTUK MENGGANTIKAN MAKANAN HAIWAN KONVENSIONAL YANG SEDIA DIGUNAKAN PADA MASA SEKARANG SERTA BERUPAYA MENJANA TENAGA.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

20. DI SAMPING PROJEK-PROJEK R&D, SEPANJANG TEMPOH RMKE-9, MOSTI MELALUI AGENSINYA TURUT MELAKSANAKAN PROGRAM DI PERINGKAT KOMUNITI SEBAGAI SUMBANGAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL ATAU CSR (*CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITIES*). INI TERMASUKLAH DANA INNOFUND BAGI MEMBIAYAI APLIKASI SAINS DAN TEKNOLOGI, MELALUI PROGRAM **TAPMOSTI@COMMUNITY**.

21. GOLONGAN SASARAN BAGI PROGRAM INI ADALAH KOMUNITI LUAR BANDAR DAN BANDAR, YANG TERDIRI DARIPADA WARGA KURANG UPAYA, IBU TUNGGAL, WARGA EMAS, KOMUNITI ORANG ASLI, GOLONGAN BELIA DAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS).

22. ANTARA KEJAYAAN HASIL DARIPADA PROJEK INI DI TERENGGANU IALAH **ALAT DECARBONISER UNTUK BOT BERENJIN DIESEL** DI DUNGUN, TERENGGANU OLEH PERSATUAN NELAYAN DUNGUN YANG BERUPAYA MENJIMATKAN PENGGUNAAN DIESEL SEHINGGA 30%. SELAIN ITU, PROJEK OLEH **KOPERASI BELA RAKYAT KAWASAN BUKIT BESI DUNGUN BERHAD** IAITU TEKNOLOGI SERAMIK TEMBIKAR DAN KRAF TELAH MENAMBAHBAIK REKAAN UNTUK PEMBUATAN ALTERNATIF YANG SESUAI DENGAN KEPERLUAN TEMPATAN. PROJEK-PROJEK INI TELAH MEMBANTU MENJANA

EKONOMI KOMUNITI SETEMPAT DAN MENJADI PEMANGKIN KEPADA PERKEMBANGAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA TEMPATAN.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

23. SAYA AMAT BERBESAR HATI KERANA PADA HARI INI SAYA BERPELUANG BERJUMPA DAN MENDENGAR MAKLUM BALAS DARIPADA PIHAK Y. BHG. DATO'/ DATIN/ PROF/ DR/ TUAN/ PUAN, PENERIMA DAN PEMOHON DANA DAN KOORDINATOR PENYELIDIKAN MENGENAI ISU, MASALAH DAN CADANGAN UNTUK MENAMBAH BAIK SISTEM PENGURUSAN DANA SEDIA ADA SERTA LANGKAH-LANGKAH KE ARAH PENGKOMERSILAN PRODUK YANG DIBIAYAI OLEH DANA R,D&C MOSTI. BERBEZA DENGAN PROGRAM YANG PERNAH DIADAKAN PADA TAHUN LEPAS, SESI TAKLIMAT INI

JUGA AKAN DISELITKAN DENGAN SESI KLINIK PERMOHONAN DANA YANG MEMBANTU BAKAL PEMOHON UNTUK MENGISI BORANG DENGAN TEPAT DAN BERKUALITI. SEHUBUNGAN ITU, SAYA MENYERU KEPADA SEMUA UNTUK MENGAMBIL KESEMPATAN PADA SESI PETANG INI UNTUK BERJUMPA TERUS DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI SAYA DAN SAYA TELAH MEMINTA PARA PEGAWAI SAYA UNTUK MEMBANTU SEDAYA UPAYA. SAYA JUGA BERHARAP KEPADA YANG MASIH BELUM MEMOHON PEMBIAYAAN UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN MASING-MASING KERANA MASIH TERDAPAT BAKI PERUNTUKAN YANG BELUM DIAGIHKAN.

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

24. KEPERIHATINAN KERAJAAN DALAM MENYEDIAKAN DANA BAGI MENGALAKKAN R&D SERTA INOVASI ADALAH BERTEPATAN DALAM ERA DI MANA NEGARA-NEGARA DI DUNIA SALING BERSAING UNTUK MENINGKATKAN DAYA SAING DAN KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI MASING-MASING. MALAYSIA SUDAH TENTU AKAN TERPINGGIR SEKIRANYA TIDAK BERUSAHA MENINGKATKAN DAYA SAING NEGARA DI ARENA ANTARABANGSA. JUSTERU ITU, PERANAN PARA HADIRIN SEBAGAI PENYELIDIK DAN PEREKA CIPTA AMATLAH PENTING KE ARAH MEMASTIKAN AKTIVITI R,D&C NEGARA TERUS *VIBRANT* DAN MEMBANTU MENGANJAK MALAYSIA KE TAHAP NEGARA MAJU.

25. SEBAGAI PENUTUP SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA Y. BHG. DATO'/PROF/DR/TUAN/PUAN KERANA TELAH

MENERIMA DANA R,D&C MOSTI DAN BERJAYA HINGGA KE PERINGKAT PENGKOMERSILAN. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) ATAS KERJASAMA DAN KOMITMEN YANG TELAH DIBERIKAN DALAM MEMBANTU MENGANJURKAN SESI PADA HARI INI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.